

Tunku: Saya belum tua lagi...

KUALA LUMPUR, Selasa — Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menggemakan Majlis Pelancaran bukunya, *Something To Remember*, apabila beliau menyatakan beliau tidaklah tua seperti yang disangka.

"Dua puluh tahun lalu, mereka selalu menggeler saya 'orang tua'. Tetapi hari ini saya tidak tahu apa pula gelaran yang mereka berikan," ujar beliau disambut gelak ketawa hadirin.

"Sebenarnya, saya tidak tua dan tidak nyanyuk seperti yang dianggap orang. Saya masih sihat dan akan terus menulis," jelas beliau yang berusia dalam lingkungan 80-an.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddin, yang merasmikan pelancaran buku itu serta para hadirin, turut geli hati dengan kenyataan Tunku.

Jenis ramuan

Bapa Malaysia yang masih kelihatan segar dan kemas itu menganggap hasil-hasil karya beliau seperti 'dala', tetapi "masakan kari yang tidak dicampur sebagai jenis ramuan tidak akan sedap rasanya".

Buku itu adalah buku kelima karyanya selepas *Looking Back*, *Viewpoints*, *Matters of Interest* dan *Lest We Forget*. Dua buah buku

beliau diterbitkan oleh Eastern Universities Press.

Something To Remember mengandungi kenangan-kenangan beliau sewaktu kecil, kehidupan beliau sebagai pelajar dan sebagai ahli politik, sehinggalah menyandang jawatan Perdana Menteri.

Dalam ucapannya, Tunku menegaskan perlunya rakyat negara ini yang berbilang kaum berusaha mewujudkan perasaan muhibah dan menyayakan segala hasrat dan cita-cita kerajaan.

Tengku Ahmad Rithauddin, dalam ucapan beliau pula memuji Bapa Malaysia itu kerana berjaya menjadi seorang pemimpin yang masih dihormati, disayangi dan dicontohi rakyat.



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BEKAS Yang Dipertua Pulau Pinang, Tun Saadon Jubir (kiri), meminta bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (tengah) menandatangani buku beliau, *Something To Remember*, di Pusat Bahasa, Universiti Malaya, semalam.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddin yang merasmikan pelancaran buku terbitan Eastern Universities Press itu, tidak ketinggalan mendapatkan tandatangan beliau.